

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI  
SESI II : 2023 / 2024**

---

---

**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

**SPP 20213  
PRINSIP PERAKAUNAN**

Dua (2) jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN BELAS (18)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

**BAHAGIAN A***[ 40 markah ]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Rajah 1 menunjukkan sebahagian proses kitaran perakaunan.

CLO1T3**Rajah 1**

Kenal pasti **Y** dalam tatacara penyediaan rekod perakaunan bagi satu tempoh perakaunan di atas.

- A** Pelarasan.
- B** Penyata Kewangan.
- C** Buku Catatan Pertama.
- D** Imbangan Duga Terselaras.
2. Antara berikut, dokumen perniagaan manakah yang digunakan untuk rujukan dan tidak perlu dicatat dalam Buku Perakaunan?
- CLO1
- T3
- A** Invois.
- B** Nota Debit.
- C** Nota Kredit.
- D** Nota Serahan.
3. Dokumen manakah terlibat dalam urus niaga jualan atau belian secara **KREDIT**?
- CLO1
- T3
- A** Memo.
- B** Invois.
- C** Bil Tunai.
- D** Baucar Pembayaran.

4. Nyatakan tujuan diskaun tunai diberikan kepada pelanggan. CLO1  
T3
- A** Menggalakkan pelanggan membeli secara tunai.  
**B** Menggalakkan pelanggan membeli secara kredit.  
**C** Menggalakkan pelanggan membeli dengan banyak.  
**D** Menggalakkan pembayaran hutang dengan segera.
5. Jadual 1 menunjukkan Jurnal Jualan diperolehi daripada rekod perakaunan Perniagaan Mira Filzah. CLO1  
T3

**JURNAL JUALAN**

| Tarikh | Butir           | Jumlah (RM)     |
|--------|-----------------|-----------------|
| 2023   |                 |                 |
| Jun 15 | Perniagaan Emir | 3,400.00        |
| 26     | Syarikat Amir   | 4,500.00        |
| 30     | <b>P</b>        | <b>7,900.00</b> |

**Jadual 1**


Namakan **P** bagi butiran dalam Jurnal Jualan di Jadual 1.

- A** Akaun Jualan.  
**B** Jumlah Jualan.  
**C** Akaun Belum Terima.  
**D** Akaun Pulangan Jualan.

6. Rajah 2 menunjukkan pembahagian Lejar.

CLO1

T3



Rajah 2

Namakan **P** dan **Q** berdasarkan rajah di atas.

|   | p            | Q                       |
|---|--------------|-------------------------|
| A | Akaun Nyata  | Akaun Nominal           |
| B | Lejar Am     | Lejar Khas (Subsidiari) |
| C | Lejar Tunai  | Lejar Am                |
| D | Lejar Jualan | Lejar Belian            |

7. Urus niaga berikut berlaku di Kedai Bakeri Uqasya Senrose.

CLO1

T3

Uqasya sebagai pemilik perniagaan membawa masuk dan memasang alat penyaman udara berkos RM 1,500.00 di dalam premis perniagaan.

Pilih dokumen yang sesuai digunakan untuk merekod urus niaga di atas.

- A Resit.
- B Invois.
- C Memo.
- D Nota Debit.

8. Pada 05 Mei 2023, Kedai Aina Abdul membeli barang niaga bernilai RM 2,400.00 daripada Pembekal Siti Nurhaliza. Seminggu selepas itu, Kedai Aina Abdul menerima nota debit bernilai RM 200.00 daripada Pembekal Siti Nurhaliza. CLO1  
T3

Jelaskan mengapa Kedai Aina Abdul menerima Nota Debit tersebut?

- A** Kedai Aina Abdul menjelaskan hutang sepenuhnya.  
**B** Kedai Aina Abdul menambah pembelian barang niaga.  
**C** Kedai Aina Abdul dikenakan caj penghantaran barang niaga.  
**D** Kedai Aina Abdul memulangkan barang niaga kerana salah jenama.
9. Jadual 2 menunjukkan Jurnal Am diperolehi daripada Pembekal Anna Jobling. CLO1  
T3

**JURNAL AM**

| Tarikh | Butir                                       | Folio | Jumlah (RM) | Jumlah (RM) |
|--------|---------------------------------------------|-------|-------------|-------------|
| 2023   |                                             |       |             |             |
| Nov 01 | Tunai                                       |       | 800.00      |             |
|        | Overdraf Bank                               |       | 2,750.00    |             |
|        | Perabot                                     |       | 3,000.00    |             |
|        | Akaun Belum Bayar                           |       |             | 5,000.00    |
|        | Modal                                       |       |             | 1,550.00    |
|        | (Aset, liabiliti dan modal pada tarikh ini) |       |             |             |

**Jadual 2**

Pilih butiran yang dicatatkan pada bahagian yang **SALAH**.

- A** Tunai.  
**B** Modal.  
**C** Overdraf Bank.  
**D** Akaun Belum Bayar.

10. Jadual 3 menunjukkan petikan Buku Tunai diambil daripada Perniagaan Bulan Bintang yang menjalankan perniagaan jualan pakaian baju melayu.

CLO1  
T3

| BUKU TUNAI |                             |   |     |       | Kt       |  |
|------------|-----------------------------|---|-----|-------|----------|--|
| Tarikh     | Butir                       | F | Dis | Tunai | Bank     |  |
| 2023       |                             |   |     | RM    | RM       |  |
| Mei 10     | Perniagaan Elrah Enterprise |   |     |       | 4,000.00 |  |

**Jadual 3**

Tafsirkan catatan urus niaga di atas.

- A** Beli barang niaga dengan tunai.
- B** Belian kredit daripada Perniagaan Elrah Enterprise.
- C** Perniagaan Elrah Enterprise menjelaskan hutang kepada Perniagaan Bulan Bintang dengan cek.
- D** Perniagaan Bulan Bintang menjelaskan hutang kepada Perniagaan Elrah Enterprise dengan cek.

11. Pilih urus niaga yang perlu direkod sebagai kategori Jurnal Khas.

CLO1  
T3

- I. Bayar gaji pekerja RM 5,800.00 dengan cek.
- II. Beli barang niaga bernilai RM 400.00 secara tunai.
- III. Perniagaan Fattah memulangkan barang niaga RM 100.00 kepada Syarikat Fazura kerana rosak.
- IV. Perniagaan Fattah membeli barang niaga daripada Syarikat Fazura berjumlah RM 600.00 secara kredit.

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

12. Urus niaga yang berikut diambil daripada Butik Pakaian Minimalace.

CLO1

T3

Ambilan baju kurung untuk tujuan promosi

Pilih akaun yang perlu didebitkan bagi urus niaga tersebut.

- A Akaun Belian.
- B Akaun Jualan.
- C Akaun Ambilan.
- D Akaun Promosi.

13. Pada 17 Julai 2023, Pn Neelofa telah memulakan Perniagaan Naelofar dengan memasukkan tunai ke dalam bank perniagaan sebanyak RM 35,000.00.

CLO1

T3

Padankan catatan lejar yang menerangkan urus niaga tersebut.

|   | Debit       | Kredit      |
|---|-------------|-------------|
| A | Akaun Tunai | Akaun Modal |
| B | Akaun Bank  | Akaun Modal |
| C | Akaun Bank  | Akaun Tunai |
| D | Akaun Modal | Akaun Bank  |

14. Berikan definisi Imbangan Duga.

CLO1

T4

- A** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada lejar.
- B** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada jurnal.
- C** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada Penyata Kedudukan Kewangan.
- D** Senarai baki - baki akaun yang diambil daripada Akaun Perdagangan dan Untung Rugi.

15. Nyatakan fungsi Imbangan Duga yang **BETUL**.

CLO1

T4

- A** Menghitung jumlah hasil.
- B** Menyemak ketepatan catatan bergu.
- C** Mengira untung kasar dan untung bersih.
- D** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.

16. Kenal pasti baki akaun yang dicatatkan di sebelah **KREDIT** Imbangan Duga.

CLO1

T4

- I.** Modal.
- II.** Insurans.
- III.** Komisen diterima.
- IV.** Faedah atas pinjaman.

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

17. Jadual 4 menunjukkan petikan Imbangan Duga yang diperolehi daripada Perniagaan Nyet Berapi.

CLO1T4

| Imbangan Duga Pada 31 Disember 2023 |               |                |
|-------------------------------------|---------------|----------------|
| Butir                               | Debit<br>(RM) | Kredit<br>(RM) |
| Bank                                | 10,200.00     |                |
| Akaun Belum Bayar                   |               | 9,600.00       |
| <b>R</b>                            | 8,230.00      |                |

**Jadual 4**

Terjemahkan akaun yang sesuai bagi mewakili **R** ?

- I. Modal.
- II. Belian.
- III. Kadar Bayaran.
- IV. Pulangan Belian.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Maklumat di Jadual 5 ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Hijabista.

CLO1

T4

| Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 |            |             |
|-------------------------------------|------------|-------------|
| Butir                               | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Sewa                                | 4,800.00   |             |
| Diskaun                             |            | 340.00      |

Jadual 5

Tafsirkan butiran paling **TEPAT** menerangkan Imbangan Duga di Jadual 5.

- A Sewa dibayar dan diskaun diberi.
- B Sewa diterima dan diskaun diberi.
- C Sewa dibayar dan diskaun diterima.
- D Sewa diterima dan diskaun diterima.

19. Jadual 6 menunjukkan maklumat akaun Perniagaan Leeyanarahman.

CLO1

T4

**W**

| Tarikh         | Butir              | Jumlah (RM) | Tarikh         | Butir  | Jumlah (RM) |
|----------------|--------------------|-------------|----------------|--------|-------------|
| 2023<br>Jun 25 | Pulangan<br>Belian | 420.00      | 2023<br>Jun 10 | Belian | 6,000.00    |

Jadual 6

Padankan akaun yang **TEPAT** mewakili **W** bagi catatan dalam Imbangan Duga.

|   | Butir W            | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|---|--------------------|------------|-------------|
| A | Akaun Belum Bayar  | 5,580.00   |             |
| B | Akaun Belum Bayar  |            | 5,580.00    |
| C | Akaun Belum Terima | 5,580.00   |             |
| D | Akaun Belum Terima |            | 5,580.00    |

20. Petikan Imbangan Duga di Jadual 7 diperolehi daripada Perniagaan Minaz.

CLO1

T4

| Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 |            |             |
|-------------------------------------|------------|-------------|
| Butir                               | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Pulangan                            | 25,000.00  | 42,000.00   |
| Belian dan Jualan                   | 14,500.00  | 30,000.00   |

**Jadual 7**

Laporkan nilai bagi Pulangan Jualan.

- A** RM 14,500.00
- B** RM 25,000.00
- C** RM 30,000.00
- D** RM 42,000.00

**BAHAGIAN B***[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

- a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan empat jenis dokumen perniagaan.


CLO1T3

| Dokumen  | Fungsi                                                                                                                                                       |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>P</b> | Dokumen dalaman yang disediakan oleh perniagaan untuk merekodkan segala jenis pembayaran.                                                                    |
| <b>Q</b> | Dihantar oleh penjual kepada pembeli apabila penjual membenarkan pembeli membeli barang niaga atau aset secara kredit.                                       |
| <b>R</b> | Membolehkan pembeli menyemak barang-barang yang dihantar dan sebagai perakuan bahawa barang-barang telah dihantar dengan selamat.                            |
| <b>S</b> | Digunakan untuk merekod pengeluaran barang niaga atau wang untuk kegunaan peribadi atau kegunaan perniagaan atau memasukkan modal tambahan dalam perniagaan. |

Namakan dokumen **P**, **Q**, **R** dan **S** berdasarkan fungsi dokumen yang diberikan.

*[4 markah]*

b) Resit berikut diambil daripada Sila Berjaya Enterprise.

|                                                                                                     |                              |                                  |                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>RESIT RASMI</b>                                                                                  |                              | <b>SALINAN</b>                   |                                                                                                 |
| <b>SILA BERJAYA ENTERPRISE</b><br>Lot E-1-1, Presint 11/1, 62300 Putrajaya.<br>No Tel : 05-26132488 |                              | No: 00357<br>Tarikh: 24 Dis 2023 |                                                                                                 |
| <b>Diterima daripada:</b>                                                                           | <b>Perniagaan Rosli</b>      |                                  |                                                                                                 |
| <b>Sebanyak:</b>                                                                                    | Satu ribu tujuh ratus sahaja |                                  |                                                                                                 |
| <b>Untuk bayaran:</b>                                                                               | Menjelaskan Invois No. 0037  |                                  |                                                                                                 |
| <b>RM 1, 700</b><br>Tunai/ No. Cek: MBB 12546725                                                    |                              |                                  |                                                                                                 |
|                                                                                                     |                              |                                  | <br>(PENGURUS) |

Berdasarkan resit di atas, laporkan perkara berikut :

i. Siapakah yang membuat bayaran untuk resit di atas?

[1 markah]

ii. Kenal pasti cara pembayaran yang dibuat oleh pembayar?

[1 markah]

iii. Jelaskan tujuan resit di atas dikeluarkan?

[2 markah]

c) Jelaskan fungsi bagi Jurnal Khas di bawah :

i. Jurnal Belian

[2 markah]

ii. Jurnal Pulangan Jualan

[2 markah]

- d) Baki - baki berikut diperoleh daripada buku Syarikat Jannah Noe pada 01 Jun 2023.

| Butir                               | Jumlah (RM) |
|-------------------------------------|-------------|
| Tunai                               | 3,500.00    |
| Bank                                | 7,320.00    |
| Kenderaan                           | 30,000.00   |
| Lekapan                             | 2,840.00    |
| Alatan Pejabat                      | 2,160.00    |
| Akaun Belum Terima: Syarikat Mawar  | 2,680.00    |
| Akaun Belum Terima: Syarikat Fizo   | 3,570.00    |
| Akaun Belum Bayar : Lisa Enterprise | 5,260.00    |
| Akaun Belum Bayar : Yusri Trading   | 2,730.00    |
| Modal                               | 44,080.00   |

Catatkan baki - baki di atas ke dalam Jurnal Am.

[4 markah]

- e) Berikut adalah urusniaga bagi Perniagaan Duck Scarves.

| Tarikh         | Urus Niaga                                                                    | Debit          | Kredit   |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------------|----------------|----------|
| 2023<br>Mei 06 | Beli barang niaga RM 7,800.00 dengan tunai.                                   | Belian         | <b>E</b> |
| Mei 17         | Jualan barang niaga RM 4,500.00 kepada Syarikat Fashion Vallet secara kredit. | <b>F</b>       | Jualan   |
| Mei 22         | Membayar gaji pekerja RM 2,600.00 dengan cek.                                 | <b>G</b>       | Bank     |
| Mei 24         | Puan Vivy membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan           | Alatan Pejabat | <b>H</b> |

Terjemahkan akaun yang sesuai bagi **E**, **F**, **G** dan **H** berdasarkan urus niaga di atas.

[4 markah]

## Soalan 2

- a) Senaraikan **DUA (2)** dokumen perniagaan yang digunakan sebagai sumber CLO1 maklumat dan perlu dicatat dalam Buku Perakaunan. T3

[2 markah]

- b) Nyatakan **EMPAT (4)** urusaniaga yang direkodkan ke dalam Jurnal Khas.

[4 markah]

- c) Maklumat di bawah adalah langkah – langkah bagi mengimbang dan menutup akaun lejar.

| Langkah – Langkah Mengimbang Dan Menutup Akaun Lejar |                                                                              |
|------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|
| I                                                    | Perbezaan antara jumlah debit dan kredit ditulis sebagai baki h/b.           |
| II                                                   | Jumlahkan amaun di sebelah debit dan kredit.                                 |
| III                                                  | Bawa baki h/b ke bawah di sebelah yang bertentangan dengan menulis baki b/b. |
| IV                                                   | Jumlah yang besar ditulis di bahagian jumlah di bahagian debit dan kredit.   |

Susun semula langkah - langkah mengimbang dan menutup akaun Lejar mengikut susunan yang betul.

[4 markah]

- d) Urus niaga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Hakim Rusly sepanjang bulan Julai 2023.

| Tarikh           | Urus Niaga                                                                                |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2023<br>Julai 05 | Membeli barang niaga daripada Syarikat Wany Hasrita secara kredit berjumlah RM 12,900.00. |
| Julai 12         | Jual barang niaga berjumlah RM 4,700.00 kepada Kedai Bella Astilla secara kredit.         |
| Julai 15         | Kedai Bella Astilla memulangkan barang niaga RM 125.00 kerana rosak.                      |
| Julai 23         | Menjual barang niaga berharga RM 1,050.00 kepada Syarikat Aliff Aziz secara kredit.       |

Perincikan rekod urus niaga di atas ke dalam Jurnal Khas.

[4 markah]

- e) Berikut adalah urusniaga yang berlaku bagi Perniagaan Jakel Textile.

**BUKU TUNAI**

| Tarikh | Butir       | Dis | Tunai    | Bank     | Tarikh | Butir            | Dis | Tunai    | Bank     |
|--------|-------------|-----|----------|----------|--------|------------------|-----|----------|----------|
| 2023   |             |     | RM       | RM       | 2023   |                  |     | RM       | RM       |
| Dis 01 | Baki b/b    |     | 1,850.00 | 2,160.00 | Dis 02 | Belian           |     | 2,350.00 |          |
| 07     | Jualan      |     |          | 4,941.00 | 15     | Sewa             |     | 500.00   |          |
| 18     | Butik Nabil |     | 900.00   |          | 19     | Pembekal Shahnaz |     | 1,390.00 |          |
|        |             |     |          |          | 27     | Gaji             |     |          | 3,500.00 |
|        |             |     |          |          | 31     | Baki h/b         |     | 860.00   | 1,251.00 |
|        |             |     | 2,750.00 | 7,101.00 |        |                  |     | 2,750.00 | 7,101.00 |

Terjemahkan Buku Tunai di atas ke catatan Lejar yang bersesuaian.

[6 markah]

## Soalan 3

- a) Nyatakan **DUA (2)** fungsi Imbangan Duga.

CLO1

[4 markah] T4

- b) Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Homestay Aliff Shukri dan mempunyai beberapa kesilapan.

| Imbangan Duga pada 30 Jun 2023 |            |             |
|--------------------------------|------------|-------------|
| Butir                          | Debit (RM) | Kredit (RM) |
| Tunai                          | 90.00      |             |
| Bank                           |            | 13,900.00   |
| Modal                          | 20,000.00  |             |
| Perabot                        | 2,770.00   |             |
| Belian                         |            | 5,750.00    |
| Jualan                         | 3,350.00   |             |
| Alat Tulis                     | 140.00     |             |
| Ambilan                        |            | 80.00       |
| Pulangan Belian                | 530.00     |             |
| Sewa                           |            | 580.00      |
| Gaji                           |            | 570.00      |

Tukarkan Imbangan Duga di atas kepada catatan Imbangan Duga yang betul.

[8 markah]

- c) Data berikut diperolehi daripada Syarikat Buku Syamimia pada 31 Disember 2023.

| Butir             | Jumlah (RM) |
|-------------------|-------------|
| Kenderaan         | 25,000.00   |
| Modal             | 22,000.00   |
| Bank              | 5,530.00    |
| Akaun Belum Bayar | 7,110.00    |
| Belian            | 25,820.00   |
| Sewa Diterima     | 3,320.00    |
| Jualan            | 27,050.00   |
| Insurans          | 3,130.00    |

Rekodkan butiran data di atas ke dalam Imbangan Duga Syarikat Buku Syamimia.

*[8 markah]*

**SOALAN TAMAT**  
**Selamat Menjawab**